

**Seorang 'Karpal Singh' tumbang, 'Karpal Singh' lain akan bangkit**  
**Astro Awani**  
**April 17, 2015**

**KUALA LUMPUR:** Setahun sudah berlalu sejak pemergian tokoh politik dan peguam terhormat mendiang Karpal Singh, walaupun begitu kenangan bersamanya masih bermain di fikiran rakyat Malaysia.

Ahli Parlimen Batu Kawan, Kasthuri Patto, yang pernah duduk di sebelah 'Harimau Jelutong' itu di Parlimen, berkata pemergian 'Uncle Karpal' sangat dirasainya.

"Saya berpeluang duduk di sebelahnya di Parlimen. Setiap hari, ada sahaja cerita yang beliau akan berkongsi dengan saya yang membuatkan sidang Parlimen bertambah menarik.

"Tidak seperti ahli Parlimen lain, Uncle Karpal tidak akan membawa apa-apa kertas atau buku ke Parlimen kecuali Perlembagaan Persekutuan dan Perintah Tetap.

"Di Parlimen, beliau menetapkan standard yang tinggi kepada ahli Parlimen lain. Cara beliau berucap di Parlimen itu, memang adalah cara bagaimana seseorang ahli Parlimen perlu bercakap," katanya kepada Astro AWANI hari ini.

Turut mengenang peguam yang digeruni ramai itu ialah ahli politik veteran, Lim Kit Siang.

Di dalam beberapa tweetnya hari ini, Kit Siang berkata bukan sahaja DAP tetapi semua rakyat Malaysia berbangga dengan kejayaan Karpal.

Beliau juga menyeru supaya lebih ramai 'Karpal Singh' bangkit, walaupun seorang 'Karpal Singh' telah tumbang.

Setiausaha Agong DAP Lim Guan Eng pula berkata Malaysia telah menjadi lebih miskin tanpa Karpal.

"Beliau tidak hanya sekadar mencipta sejarah dengan menjadi orang bukan Cina pertama untuk memegang jawatan Pengerusi DAP Kebangsaan tetapi telah menggunakan pengetahuan undang-undangnya untuk menunjukkan maksud sebenar Malaysia kepunyaan orang Malaysia, dengan mempertahankan hak-hak semua orang tanpa mengira kaum, agama, latar belakang dan kewarganegaraan.

"Saya merindui pemimpin bernama Karpal, mentor dan orang yang bukan sahaja memberi harapan, tetapi juga inspirasi kepada kami dengan keyakinan untuk berpegang teguh kepada prinsip-prinsip kami," katanya di dalam satu kenyataan.

Sementara itu, pemergian Karpal Singh turut dirasai oleh pengguna media sosial, yang berkongsi kesedihan mereka.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/seorang-karpal-singh-tumbang-karpal-singh-lain-akan-bangkit-58047>